

# Pelancong bak duta kecil negara

SETIAP pelancong yang berkunjung ke luar negara akan membawa identiti kewarganegaraan masing-masing. Baik dan buruk identiti seseorang pelancong itu akan mencerminkan asal negara kelahiran mereka.

**Pensyarah Kanan Fakulti Kreatif Ekonomi dan Pengurusan Pelancongan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Siti Suriawati Isa berkata, lazimnya seseorang pelancong itu membawa budaya, imej, sikap dan tingkah laku**

dari negara masing-masing apabila ke luar negara.

"Kehadiran pelancong-pelancong ini berfungsi sebagai duta kecil kepada Malaysia lebih-lebih lagi jika mereka mempunyai sifat patriotik yang tinggi.

"Kita tidak perlu suruh mereka mempromosikan Malaysia sebaliknya jika mereka cintakan negara ini, mereka sendiri akan bercakap mengenai keistimewaan Malaysia,"



SITI SURIAWATI

katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Jelas beliau, mengambil contoh jawatannya sebagai ahli akademik, setiap kali bermesyuarat atau menghadiri seminar di luar negara, beliau pasti membawa buah tangan dari UPM seperti rantai kunci, pen, buku nota atau beg sebagai kenang-kenangan.

"Begitu juga jika kami menerima pelancong dari luar seperti Jepun,

mereka pasti akan memberikan tanda kenangan seperti teh dan biskut beras yang amat popular di negara itu.

"Bagi pelajar-pelajar pula, mereka akan membawa risalah tentang keunikan Malaysia untuk ditinggalkan di pejabat-pejabat kedutaan di sana," jelasnya.

Tambah beliau, melalui aktiviti melancong, seseorang itu sebenarnya membina hubungan persaudaraan bagi menguatkan lagi ukhwah antara satu sama lain.



RUANG kediaman ini dihiasi dengan pelbagai cenderamata dari negara-negara yang dilawati.

**Penolong Kanan Hal Ehwal Murid pada 2002 hingga 2010 di Sekolah Kebangsaan Lelaki Bukit Bintang 1, Petaling Jaya.**

Hanya lapan bulan sebelum bersara, beliau dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan Kampung Tunku.

## Penyeluk saku

Mengimbau memori sepanjang menjelajah di bumi Allah terlalu banyak pengalaman pahit dan manis yang dilaluinya. Sambil bangun dari tempat duduk menuju ke sebuah rak kayu, tangannya mencapai beberapa album tertera lokasi yang pernah dikunjungi.

Sambil menunjukkan gambar-gambar berkenaan, beliau memberitahu, terdapat satu insiden yang akan disimpan kemas dalam memorinya.

"Tragedi ini berlaku pada Jun 2012 semasa saya bersama rombongan melancong ke Prague di Republik Czech. Pada hari kedua di sana,

dompet saya telah dicuri penyeluk saku walhal saya dalam keadaan berjaga-jaga.

"Saya hilang kira-kira RM3,600. Syukur ada rakan-rakan yang bawa duit lebih, mereka pinjamkan dulu kepada saya. Malah, ada juga yang memberi derma secara sukarela.

"Alhamdulillah, saya tidak masukkan pasport ke dalam dompet yang telah dicuri, jika tidak masalah lain pula timbul," katanya yang langsung tidak membeli-belah pada percutian itu.

Beliau juga pernah mengalami pengalaman pahit pada Mei 2011 semasa berkunjung ke Baitulmuqaddis, Palestin. Dalam perjalanan ke masjid al-Aqsa, anak sulungnya, Rosmayati Abd. Majid, 36, ditahan di salah satu check point hampir dua jam lamanya.

"Ketika itu pelbagai gambaran buruk berlegar-legar di fikiran saya tetapi syukurlah tiada perkara buruk

yang berlaku," jelasnya. Tiga lagi anaknya ialah Rosmanita, 34, Rosman Fitri, 31 dan Rosman Aizat, 28.

Berpeluang menjelajah ke seluruh pelosok negara di dunia membuatnya sentiasa bersyukur. Diberi kesempatan melihat keindahan pemandangan, kekayaan budaya, keenakan makanan dan kesejahteraan penduduk di setiap lokasi pengembaraannya meninggalkan kesan yang bukan sedikit.

## Terowong

Peluang ke Mesir pada tahun 1997 memberi kesempatan kepada Rosnah masuk ke dalam piramid yang menjadi sebutan ramai. Malah, ketika berada di China, beliau dapat melihat askar Terracotta di Xi'an, Shaanxi, dan mendaki Tembok Besar China.

Bahkan, beliau juga pernah menaiki kapal terbang kecil bersama anaknya untuk melihat puncak banjaran Himalaya di Nepal. Di Lebanon, menyaksikan Jeita Grotto iaitu terowong bawah tanah stalaktit dan stalagmit memberi kesan yang bukan sedikit kepada Rosnah.

"Saya rasa puas setiap kali dapat menjelaskan kaki ke tapak sejarah di negara-negara yang dilawati dengan mata sendiri," katanya yang menanam impian untuk ke Amerika Latin.

Bagaimanakah penerimaan suami dan anak-anak mengenai hobinya? Rosnah tertawa kecil.

Meskipun suaminya tidak gemar mengembara, tetapi Abdul Majid mengikut saja

kerenah Rosnah. Begitu juga anak-anak, tiada seorang pun yang mengikuti jejak langkahnya.

"Mungkin kerana pada masa ini kos melancong agak mahal, ditambah pula dengan kekangan masa bekerja, jadi anak-anak saya tidak terlalu meminati hobi ini," katanya jika tidak melancong, dia gemar menghabiskan masa bersama 17 ekor kucingnya selain menghias rumah.

Rosnah mengakui dalam banyak negara yang dilawatinya sudah pasti Tanah Suci Mekah dan Madinah destinasi terindah.

Katanya, ziarah umrah ke Jordan, Baitulmaqdis hampir 15 hari merupakan kembaranya yang paling panjang. Destinasi terbaru yang dilawatinya ialah Yangon, Myanmar pada Februari tahun lalu.



JIKA tidak ke mana-mana, Rosnah gemar menghabiskan masa bersama 17 ekor kucing peliharaannya.